

FY*i*



No Permit:PP13200/12/2013(032007)
March 2014:ISSN 1675-5464

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

- LAPORAN MENINGKAT
- SUKAR MENCARI BUKTI
- KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL
- JENIS GANGGUAN SEKSUAL

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Satu perlakuan atau perbuatan berbentuk atau berbau seksual yang tidak diminta, diundang atau ditawarkan di tempat kerja. Gangguan seksual di tempat kerja adalah isu lama tetapi sering kali menjadi `hangat' apabila pelaku terlepas manakala mangsa pula `mengunci mulut'. Keadaan itu berlaku kerana mangsa tidak yakin untuk membuat aduan, malah, mangsa sering dipersalahkan kerana tiada bukti kukuh hingga menyebabkan mereka tidak mahu memanjangkan kes. Apatah lagi, rata-rata kejadian dilakukan rakan sekerja. Tambahan pula bagi kebanyakan aduan diterima, pelaku dalam kalangan bos yang memiliki pengaruh di pejabat berbanding mangsa yang rata-rata terdiri daripada pekerja biasa.

`Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja' dilaksanakan pada 1999, semakin ramai mangsa membuat laporan dan merasai mereka dilindungi. Kes gangguan seksual diterima akan diselesaikan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, Kementerian Sumber Manusia mengikut kod amalan berkenaan. Berdasarkan statistik, sejak diperkenalkan pada 1999 hingga 2010, sebanyak 297 kes diterima. Antara gangguan seksual itu dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM).



LAPORAN MENINGKAT

Kebanyakan kes gangguan seksual dilaporkan kepada polis, membabitkan perlakuan pekerja lelaki kepada rakan sekerja wanita dan ada juga berlaku sesama pekerja lelaki tetapi jumlahnya sangat kecil.


Statistik dicatatkan PDRM menunjukkan kes meningkat dari setahun ke setahun. Mengikut laporan gangguan seksual meningkat daripada 119 kes, pada 2008 kepada 127 kes (2009) dan 166 kes (2010).

Kebanyakan mangsa yang ditemui menjelaskan mereka tidak membuat aduan kerana tidak yakin dengan majikan dalam menguruskan insiden berkenaan. Ada yang membuat laporan gangguan seksual kepada majikan cuma membuang masa. Oleh itu, mangsa lebih cenderung membuat aduan kepada badan bukan kerajaan (NGO) untuk meringankan bebanan psikologi dan ia ditangani dengan lebih berkesan.

SUKAR CARI BUKTI

Kebanyakan kes, mangsa jarang membuat aduan kepada majikan terhadap kes gangguan seksual kerana takut dan sukar untuk menunjukkan bukti bentuk dan jenis perlakuan itu. Ramai menganggap gangguan seksual sukar diadili dengan lancar kerana kurang bukti. Beban pembuktian atau *burden of proof*, perlu dikemukakan untuk membuat dakwaan.

Pengecualian pada peraturan ini adalah kes *prima facie*. Ia bergantung ke mana kes gangguan seksual itu dibawa. Jika ia dibawa ke mahkamah sivil, bukti adalah rendah. Jika kes terbabit dibawa ke mahkamah jenayah, beban pembuktian adalah lebih tinggi iaitu di luar keraguan munasabah.



GESA DIWUJUDKAN AKTA GANGGUAN SEKSUAL

Ketika ini tiada akta khusus untuk menangani masalah gangguan seksual. Ia hanya dirujuk berdasarkan pelaksanaan Kod Amalan yang nyata dilihat terhad kuasanya kerana ia bukan satu undang-undang dan bagi majikan swasta, ia diamalkan secara sukarela. Perlu diketahui apabila ia digelar 'Kod Amalan' ia hanyalah garis panduan untuk proses semakan atau siasatan dalaman.

Mengikut statistik dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, Kementerian Sumber Manusia, hanya 1,763 syarikat swasta di negara ini mempunyai kod amalan terbabit di tempat kerja pada 2010 sedangkan jumlah syarikat hampir setengah juta.

Justeru itu, kerajaan perlu memperkenalkan Akta Gangguan Seksual supaya kesalahan berkenaan dapat diselesaikan mengikut peruntukan undang-undang lebih jelas, tanpa menggunakan akta lain. Undang-undang terbabit mestilah mempunyai dua matlamat penting. Pertama, ia mestilahengehendaki pekerja secara proaktif mencegah gangguan seksual dan kedua ia haruslah membela mangsa, lebih berkesan dan bermakna.

Kebanyakan negara di dunia menggunakan undang-undang sivil atau jenayah untuk mengendalikan kes berkaitan. Contohnya, Amerika Syarikat mempunyai Equal Employment Opportunity Commission, manakala di Australia pula dirujuk 'The Sex Discrimination Act 1984 dan Denmark merujuk kepada Law number 1385 of December 21, 2005.

KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL

- Percubaan Merapati individu secara seksual
- Meminta layanan seksual
- Gangguan seksual yang mengugut
- Gangguan seksual yang menyinggung atau menghina

Contoh gangguan seksual

- Secara lisan
- Secara isyarat
- Secara visual
- Secara psikologi

JENIS-JENIS GANGGUAN SEKSUAL

1. **Gangguan lisan** iaitu teguran, komen, berjenaka, mengusik, membuat bunyi dan menyoal perkara yang tidak menyenangkan.
2. **Gangguan dari segi isyarat** iaitu menjelir lidah atau membuat bunyi dengan nada yang tidak sesuai, menjilat bibir atau memegang serta memakan makanan secara provokatif, isyarat tangan atau bahasa yang berbentuk lucah dan menggoda.
3. **Gangguan visual** iaitu menunjukkan bahan pornografi, melukis lakaran atau menulis sesuatu berasaskan seksual, mempamerkan sesuatu yang berbentuk seksual.
4. **Gangguan psikologikal** iaitu undangan sosial yang tidak diingini, kekerapan mengajak untuk mengadakan janji temu atau intimasi fizikal.
5. **Gangguan fizikal** seperti sentuhan, tepukan, cubitan, urutan, geselan terhadap tubuh badan yang tidak bersesuaian, pelukan, ciuman dan meraba.

MANGSA BOLEH

- * **Katakan TIDAK** kepada pelaku.
- * **Catatkan setiap kejadian.** Tulis tarikh, masa dan tempat kejadian, termasuk maklumat kejadian dan tindak balas anda. Simpan salinan.
- * **Jangan pendam** sendirian, sebaliknya dapatkan sokongan moral daripada rakan serta ahli keluarga.
- * **Buat laporan** kepada pihak pengurusan tempat kerja/polis/Pejabat Tenaga Kerja berhampiran melalui surat, e-mel atau telefon.

INFO

GANGGUAN SEKSUAL:
BILANGAN KES MENGIKUT TAHUN

Tahun	Bilangan
1999	29
2000	61
2001	46
2002	21
2003	16
2004	19
2005	12
2006	23
2007	9
2008	19
2009	22
2010	20
Jumlah	297



Source : Berita Harian, 24 Jan 2014
Page : 006

NEWS HEADLINE

'BOSSSES, STAFF MUST ENSURE SAFETY'

Publication: New Sunday Times
Date of Publication: 23 March 2014
Page number: 30

Pekerja maut jatuh pelantar

Chukai: Seorang pekerja kontrak sebuah syarikat penyedia perkhidmatan kejuruteraan sektor minyak dan gas, maut selepas terjatuh dari pelantar setinggi 10 meter ketika sedang bekerja di sebuah loji di kawasan perindustrian Kertih, Kemaman, dekat sini.

Dalam kejadian jam 4.30 petang kelmarin, Md Noor Yusoff, 46, dari Kampung Baru Kemasik, mati di tempat kejadian dan parah di kepala dan badan.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendent Che Suza Che Hitam, berkata mangsa dipercayai terjatuh selepas lantai pelantar tempat dia berpijak patah.

Bagaimanapun, katanya mangsa yang dikejarkan ke sebuah klinik berdekatan disahkan sudah meninggal dunia.

"Kes kematian itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut dan tiada unsur jenayah," katanya.

PEKERJA MAUT JATUH PELANTAR

Publication: Berita Harian
Date of Publication: 15 Mac 2014
Page number: 26

'NASIB BAIK TAK KENA LEHER'

Publication: Harian Metro
Date of Publication: 7 Mac 2014
Page number: 46

'Bosses, staff must ensure safety'

KUALA LUMPUR: Making the workplace safe is a joint responsibility of both the employers and the employees as it is no longer possible to merely provide work instructions to employees without supplementing them with education and training on safety and health, said National Institute for Occupational Safety and Health chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

He said the management should allocate an annual budget on safety training to prevent work-related accidents.

"Workplace accidents and diseases can affect the quality of life and family members as well as the community.

"The concept of innovative transformation in occupational safety and health also takes into consideration the elements of the workplace, wellness and total health promotion

programme to secure the maximum health and well-being of the employees.

"It is heartening and inspiring to note that both the public and private sectors are collaborating and putting together investments and networks, working towards the common goal of sustainable and integrated safety and health for the workforce."

Lee said the quest for sustainability was already starting to transform the competitive landscape.

"The 17th Conference of Occupational Safety and Health in Kuala Lumpur from Aug 25 to 27 will be a good forum to promote occupational safety and health.

"It is the best avenue for those striving to upgrade the safety and health standards in their organisations."



'Nasib baik tak kena leher'

SAIFULIZA dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Kuala Terengganu: "Nasib baik mata mesin pencanai tidak terkena leher, kalau tidak tidak tahu apa yang terjadi," kata Mohd Saifuliza Ariffin, 34, yang nyaris putus tangan kiri terkena mata mesin pencanai di bengkelnya di Kampung Banggol Katong, di sini, kelmarin.

Jurukimpal itu berkata, dalam kejadian jam 5.30 petang itu dia menghidupkan mesin pencanai untuk mengasah parang lama dan ketika mengasah parang berkenaan, mata mesin pencanai berkenaan bergesgar seperti berkecai.

Katanya, kebimbangannya benar-benar berlaku apabila

mata pencanai itu berkecai sebaik parang dialihkan menyebabkan bahagian atas tapak tangan kirinya terbelah terkena serpihan mata pencanai berkenaan.

"Saya tidak sempat mengelak ketika mata pencanai itu berkecai dan serpihannya tepat mengenai tangan kiri hingga terbelah sepanjang tiga sentimeter.

"Saya sangka hanya luka sedikit tetapi apabila membuka sarung tangan, terkejut melihat tangan kiri terkulai," katanya ketika ditemui di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini, semalam.

Bapa kepada lima anak itu

berkata, dia sempat memamatkan suis mesin berkenaan sebelum membalut tangan kiri yang terkulai itu sebelum bergesgar mendapatkan bantuan keluarga untuk membawanya ke Klinik Kesihatan Bukit Payong, Marang, sebelum dirujuk ke HSNZ.

Katanya, doktor bercadang melakukan pembedahan untuk mencantum semula tangannya yang terbelah itu serta menyambung semula urat jari telunjuk dan jari hantu yang putus.

"Nasib baik saya pakai sarung tangan dan serpihan itu tidak terkena bahagian penting tubuh," katanya.

NEWS HEADLINE

'Conduct regular stress audits on teachers'

RISK: Work conditions may cause them to develop mental disorder

CHANDRA DEVI RENGANAYAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

PERIODIC stress audits should be carried out among teachers to identify risk factors of stress, said clinical psychologist Alex Lui An Lieh.

With the factors identified, efforts can then be carried out to reduce them.

"The idea of implementing mental health screening on new teachers, as proposed by the Education Ministry, may weed out teachers who are already exhibiting symptoms of mental illness but it cannot identify teachers who will eventually develop symptoms of psychiatric disorders as a result of

work stress.

"One way is to conduct stress audits to look at the extent and levels of stress among teachers, measured by questions relating to stress indicators, and the causes of stress, measured by questions relating to particular stressors.

"At the same time, teachers can be taught effective stress management skills, which they can apply on themselves."

A survey conducted by the Penang Hospital last year found that teachers form the group with the highest risk of suffering from psychiatric and mental disorders.

Recently, a male teacher in a school in Sitiawan was reported to have hurt four students. He had kicked a boy in the face, punched another female student five times in the face and also victimised several other students. The teacher was involved in another similar incident last month.

It was believed the teacher was experiencing stress and had mental problems.

Also last month, a 28-year-old teacher, who was caught for criminal trespass in Singapore, was re-

ported to have had a long history of mental illness.

Lui said the change in the role of teachers and demands placed on them could cause a significant level of stress among those unable to adjust to the changes.

This in turn will trigger the development of various mental illnesses especially for those who already have a genetic vulnerability.

He said everyone has a certain genetic vulnerability to develop any form of mental disorder.

The symptoms will only develop if there is enough stress from the environment to trigger the onset of a particular psychiatric disorder.

If a person has a higher vulnerability, he needs just a little stress to develop the disorder.

Any form of stress whether work-related or family-related, he added, might increase the probability of a teacher or anyone for that matter, developing a mental disorder.

"Besides paperwork and reports, teachers have to deal with increasingly defiant and disrespectful students.

"Nowadays, teachers even need to deal with demanding and critical parents who may not agree with the teacher's method of teaching or disciplining their child.

"Because of the increase in the stress level, more teachers may have reached their threshold of stress," said Lui, who is also a lecturer at HELP University's faculty of behavioural sciences.

He said dealing with stressors required energy and a person, who did not get enough rest and nutrition, might not be able to cope with daily life demands and would be more prone to developing mental illness.

Older teachers in particular, he said, might experience a higher level of stress because they were the most affected by changes in their environment as well as the behaviour of students and their parents.

Lui said there must be concern for the nature and extent of stress in the teaching profession.

"My personal opinion is to increase their level of autonomy over the subjects they teach. There



Alex Lui An Lieh says older teachers may experience a higher level of stress

should also be correct matching of the teachers' ability to the subjects they teach because some teachers are teaching subjects which were not trained, and this will lead to stress."

National Institute of Occupational Safety and Health's chairman Tan Sri Lee Lam Thye said teachers dealt with students in school on a daily basis, mental health problems could also pose a negative impact on their students.

He also agreed that teachers must be provided training on coping with stress.

He felt a mental health curriculum should be introduced in teacher training colleges and mental health promotion activities must be carried out.

Wujudkan segera garis panduan kesihatan mental di tempat kerja

KUALA LUMPUR - Anggota Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental, Tan Sri Lee Lam Thye menggesa supaya diperkenalkan segera garis panduan bagi meningkatkan kesihatan mental di tempat kerja.

Beliau berkata, garis panduan itu bertujuan mengurangkan jumlah pekerja yang mungkin mengalami kerisauan, kemurungan atau tekanan mental akibat bebanan tugas.

Garis panduan itu boleh menjamin kebahagiaan dan kebajikan pekerja serta keluarga mereka melalui inisiatif untuk memupuk kesihatan mental di tempat kerja, katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, jumlah eksekutif dan pekerja yang mengalami kerisauan, kemurungan atau tekanan mental mungkin meningkat akibat tugas dan keadaan yang terdapat di tempat kerja.

"Oleh itu, mungkin sudah tiba masanya kerajaan mempercepatkan pengenalan garis panduan mengenai promosi penjagaan kesihatan ini supaya langkah-langkah asas dapat diguna pakai dan dilaksanakan majikan di tempat kerja," katanya.

Lam Thye juga mencadangkan kepada majikan supaya menggunakan khidmat jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja untuk memeriksa dan mengenal pasti kesihatan mental pekerja serta meningkatkan amalan penjagaan kesihatan mental.

Beliau berkata, majikan perlu mengambil kira masalah kesihatan mental tertentu, privasi individu setiap pekerja dan menggubal satu program asas mengenai kebajikan mental pekerja.

Selain itu, Lam Thye meminta kerajaan menyediakan lebih banyak manfaat seperti perlindungan insurans untuk mereka yang mengalami sakit mental, memberi pengecualian cukai pendapatan kepada ibu bapa atau saudara-mara yang perlu menjaga mereka yang mengalami sakit mental. - Bernama

'CONDUCT REGULAR STRESS AUDITS ON TEACHERS'

Publication: New Sunday Times

Date of Publication: 2 March, 2014

Page number: 31

Promosi kesihatan mental di tempat kerja

KUALA LUMPUR 2 Mac - Kerajaan disaran mewujudkan garis panduan untuk mempromosi penjagaan kesihatan mental bagi menangani masalah tekanan dalam kalangan rakyat yang berpunca daripada tempat kerja.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Promosi Kesihatan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, langkah berkenaan penting ekoran beberapa kejadian yang berkaitan masalah mental berlaku di negara ini turut mengorbankan nyawa kanak-kanak.

Jelasnya, mempromosi aktiviti penjagaan kesihatan mental di sesebuah perusahaan adalah penting agar majikan memahami secara mendalam dari pelbagai sudut seperti faktor tekanan di tempat kerja yang memberi kesan ke atas kesihatan mental supaya dapat ditangani secara berkesan.

"Dalam mempromosi

langkah-langkah penjagaan kesihatan mental, pihak majikan harus mempertimbangkan keadaan spesifik masalah kesihatan mental selain turut menjaga hak peribadi pekerja, hubungan dengan pengurusan sumber manusia dan masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan keluarga atau cara hidup seseorang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelasnya, majikan melalui jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja perlu mengkaji dan mengenal pasti secara terperinci situasi sebenar dan masalah berkaitan promosi penjagaan kesihatan mental.

"Selain itu, majikan perlu sentiasa menggalakkan pekerja untuk mengamalkan kehidupan yang sihat dan amalan kesihatan yang



LEE LAM THYE

positif termasuk berhubung pengurusan masa, perancangan jadual kerja yang efisien, memupuk hubungan harmoni dan kasih sayang dengan rakan sekerja serta menjaga kesihatan fizikal," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tenaga kerja yang sihat dan terlatih dapat memastikan peningkatan produktiviti di tempat kerja.

"Impak kesihatan mental yang kurang memuaskan pada seseorang individu boleh mengakibatkan masalah kepada dirinya sendiri, keluarga dan masyarakat.

"Justeru, majikan perlu menyedari kesihatan mental yang baik adalah aset yang sangat berharga bagi pekerja dan perlu sentiasa berusaha untuk menjaganya dengan baik," katanya.

WUJUD SGERA GARIS PANDUAN KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA

Publication: Kosmo

Date of Publication: 3 Mac 2014

Page number: 11

PROMOSI KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA

Publication: Utusan Malaysia

Date of Publication: 03 Mar 2014

Page number: 23

The Origin of Workers Hearing Level - A Finding Based on Chances of Occurrence

By Gan Chun Chet, MSc (UK), BSc (Hons) (UK), Peng



Abstract

The paper writes on the possible origin of off-limit cases found in a noise project conducted internally in a factory in Malaysia. Out of 691 sampled workers' that attended audiometric test results (some repeated), it was found that the mode of hearing ability is between 20 to 30 dB depending on individual worker's age ranging from 20 to 55 years. Out of the total results, approximately 100 workers are above a limit defined here in this paper as the off-limit condition. The chance of a worker originating from a good condition to an unhealthy condition is about 1 percent. The data are tabulated to show that a sway pattern could be an explanation of workers' origin. Although the data is profound, there is no evidence of a trace due to a short test period. Possibilities are highlight here to outline the severity of a cross over to the unhealthy condition (here defined as the off-limit condition). Some advises are mentioned here with individual susceptibility on the matter though there is no data to substantiate. Further findings are required to show a trace. In conclusion, the severity is highlight. A chart, developed to know the limits of hearing ability, is illustrated based the findings.

For Full Paper, please find:

Journal of Occupational Safety and Health
December 2013, Vol.10, No.2
ISSN 1675-5456
PP13199/12/2012(032005)

Contact:
NIOSH Library,
Bandar Baru Bangi, Selangor

Disclaimer

©Copyright 2014. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication may be reproduce, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any meeanas, electronic, photocopying, or otherwise, without prior written permission of the copyright owner.